

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-598 BIL.4/2024
29 APRIL 2024**

**1) PROGRAM KOMUNITIKU BERSIH DAN SIHAT : KEMPEN
BASMI DENGGI (KOM-BEAT DENGGI) EDISI 3.0**

Untuk makluman, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menerusi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan akan menganjurkan Kempen Basmi Hotspot Denggi yang dijenamakan sebagai KOM-BEAT Denggi edisi ketiga yg akan melibatkan:-

1. Taman Nirwana
2. Taman Alma Jaya
3. Taman Selamat
4. Taman Selesa

Kempen ini adalah usahasama antara MBSP, Pejabat ADUN Machang Bubok, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Seberang Perai Tengah (SPT) dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan akan bermula daripada bulan Mei sehingga bulan Julai.

Pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan akan dihebahkan dari semasa ke semasa.

Warga Seberang Perai, khususnya yang berada di kawasan hotspot denggi adalah disarankan untuk sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah berikut:-

- Luangkan sekurangnya-kurangnya 10 minit setiap hari untuk cari dan musnah tempat berpotensi pembiakan nyamuk *Aedes* di rumah masing-masing
- Lindungi diri daripada gigitan nyamuk melalui semburan *aerosol*, repelan dan pakaian yg sewajarnya
- Lupuskan sampah, bahan buangan dan barang lusuh di tempat yg ditentukan
- Segera berjumpa doktor sekiranya menghadapi simptom atau gejala demam denggi seperti demam panas dan sakit kepala, sakit otot dan sendi, muntah-muntah dan cirit-birit

2) SAMBUTAN HARI PEKERJA 2024

Dimaklumkan bahawa Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2024 (Rabu) dan hari tersebut merupakan Cuti Umum di Negeri Pulau Pinang. Justeru itu, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh warga Seberang Perai. Tema Hari Pekerja bagi Tahun 2024 ialah "Pekerja Kesuma Bangsa"

3) SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK 2024

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut Buddha yang bakal disambut pada 22 Mei 2024 (Rabu). Pada hari tersebut juga merupakan hari kelepasan am di Negeri Pulau Pinang.

Justeru itu, di musim perayaan dan cuti kelepasan am ini diingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya berhati-hati di jalanraya, jaga kesihatan dan amalkan pemakanan yang sihat.

SEKIAN, TERIMA KASIH.